



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.47( )  
Tarikh : 15 NOVEMBER 2017

## **Siaran Media**

### **Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan 2017**

Putrajaya, 15 November 2017 - YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Majlis Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan 2017 yang diadakan dari 15-16 November 2017 bertemakan Makanan Selamat Rakyat Sejahtera pada petang ini.

2. KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menganjurkan Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat PBT 2017 kali ke 10 ini bagi membincangkan isu-isu terkini berkaitan tema persidangan iaitu penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan berkaitan di Medan Selera, aplikasi *instrument* dan kaedah penilaian keselamatan dan kebersihan makanan, konsep baharu penilaian risiko kesihatan persekitaran di Medan Selera dan zon premis makanan gred A yang akan dibentangkan oleh JKT, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Kemaman, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Universiti Putra Malaysia dan 3M (Malaysia) Sdn Bhd.

3. Bagi tahun 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan 17,957 kes bawaan air dan makanan dengan kadar insiden 58.2 per 100,000 penduduk. Keselamatan makanan penting kerana makanan yang tercemar akan menyebabkan keracunan makanan, taun (kolera) dan demam kepialu (Tifoid). Pencemaran makanan ini terjadi apabila bahan mentah tercemar dengan kuman, cara penyediaan makanan yang tidak sanitasi, peralatan penyediaan makanan yang tidak bersih, menghidang makanan dengan cara tidak bersih dan menyimpan makanan dengan kaedah tidak selamat.

4. Persidangan 2 hari ini selain daripada membincangkan keselamatan makanan turut menekankan topik kawalan penyakit dan vektor, kawalan tikus di kawasan PBT, kebersihan pasar, penyakit kencing tikus atau *Leptospirosis*, kawalan denggi, kawalan *rabies* dan kebersihan tandas awam kepada 300 orang peserta persidangan yang terdiri daripada pegawai-pegawai teknikal Kesihatan Persekitaran PBT, Pihak Berkuasa Negeri (PBN), agensi kerajaan, institusi pendidikan atau pertubuhan yang berkepentingan dalam Kesihatan Persekitaran dari seluruh negara.

5. Persidangan ini penting bagi KPKT kerana ia adalah sesi wacana ilmu dan perbincangan yang membantu KPKT merangka Garis Panduan untuk kelulusan Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang diguna pakai oleh PBT dan PBN. Antaranya ialah Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Kegunaan Awam di Kawasan PBT 2012, Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan lain-lain Unggas di Kawasan PBT 2014, Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di Kawasan PBT 2014 dan Tatacara Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure*) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2014.

-----  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu PLAN Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)